

Kemerdekaan jiwa tundukkan nafsu, ketepi kehendak peribadi

Oleh Zuhaimi Abdul Rahim
bhagama@bh.com.my

Malaysia akan menyambut ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-65 pada tahun ini. 31 Ogos menjadi tarikh keramat bagi rakyat kerana mengingati perjuangan tokoh tanah air yang banyak berjasa dalam perjuangan kemerdekaan.

Tema sambutan kemerdekaan tahun ini 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' diharapkan dapat menyatukan rakyat pelbagai bangsa. Namun, sejauh mana kita sebagai rakyat menghayati dan bersyukur dengan nikmat kemerdekaan ini.

Erti kemerdekaan bukan laungan di bibir sahaja, malah perlu diterapkan dalam diri, agama dan masyarakat. Apa yang paling utama adalah perlu memerdekakan jiwa untuk mewujudkan kebebasan hakiki ditegaskan di dalam Islam.

Kemerdekaan jiwa sebenar dapat menundukkan hawa nafsu dan syahwat seperti sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Musuhmu paling ganas ialah nafsumu sendiri, berada di antara dua sisimu". (HR Al-Baihaqi)

Sheikh Said Hawa dalam Al-Asas fit Tafsir, berkata melawan hawa nafsu bermaksud menundukkan nafsu supaya mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara. Apabila nafsu dapat dikalahkan, seseorang akan mengutamakan perkara dicintai Allah dan mengetepikan kehendak peribadi.

Dalam maqasid syariah kita perlu memelihara dan menjadikan ia satu daripada panduan dalam kehidupan seharian iaitu memelihara agama (hifz al-din), memelihara nyawa (hifz al-nafs), memelihara keturunan (hifz al-nasl), memelihara akal (hifz

al-a'ql) dan memelihara harta (hifz al-mal) supaya bebas dari sebarang bentuk cengkaman minda dan jiwa bercanggah matlamat syariat, seterusnya mencapai erti kemerdekaan jiwa sebenar.

Umat Islam di negara ini wajib bersyukur ke atas nikmat iman dan Islam hasil kemerdekaan dikecapi. Apabila manusia mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT, mereka mencapai kemerdekaan sebenar atau 'istiqlal'.

Usah ikut tamadun asing

Umat Islam tidak boleh mengikut tamadun asing bercanggah dengan kehendak Maha Pencipta. Dalam aspek ini, umat Islam perlu mengambil iktibar daripada peristiwa bersejarah pembukaan kota Makkah pada Ramadan 8 Hijrah.

Ia menjadi simbol 'ibu kemerdekaan' dilakukan Rasulullah SAW. Selepas kota Makkah dibuka dan Rasulullah bersama umat Islam memasukinya, Baginda menuju ke Masjidil Haram.

Di sana, Baginda bertawaf mengelilingi Kaabah dan menjatuhkan berhala menggunakan busur panah sambil membaca al-Quran bermaksud: "*Telah datang kebenaran (Islam), dan*

hilang lenyaplah perkara salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara tetap lenyap". (Surah al-Haj, ayat 81)

Selepas menyempurnakan bilangan tawaf, Baginda masuk ke dalam Kaabah. Baginda mendapati di dalamnya gambar serta ukiran kayu seekor burung merpati, lalu Baginda memecahkannya, gambar di dalam Kaabah diperintah supaya dipadamkan.

Maka dengan ini jelas, kita sebagai umat Islam perlu mengelak daripada terpengaruh budaya asing, gaya hidup dan cara pemikiran penjajah.

Jaga generasi muda

Sebagai negara merdeka, kita perlu menjaga generasi muda daripada penjajahan minda, seterusnya dapat mengekalkan generasi merdeka mempertahankan agama Islam di tanah air.

Negara kita menjadi tumpuan dunia luar kerana mempunyai pelbagai etnik yang hidup dalam keharmonian serta kerjasama demi kemajuan serta kesejahteraan negara.

Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa, budaya dan agama dapat membuktikan dapat bersatu dan paling penting masyarakat menanam sikap patriotik dalam diri masing-masing.

Pelbagai cara diamalkan masyarakat untuk mengekalkan semangat patriotik seperti melalui aktiviti sosial antaranya perhimpunan, gotong-royong, festival, sukan dan pembentukan organisasi kemasyarakatan untuk meningkatkan integrasi masyarakat serta semangat perpaduan.

Sebagai warganegara yang bebas, Hari Kemerdekaan perlu dihayati sepenuhnya sambil berharap Malaysia akan dapat menterjemahkan erti kemerdekaan sebenar dalam diri, agama dan masyarakat.

“Erti kemerdekaan bukan laungan di bibir sahaja, malah perlu diterap dalam diri, agama dan masyarakat”



Pengarah Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM)